

# Kuin tawar program lepasan STAM

**ALORSETAR** - Kolej Universiti Insaniah (Kuin) mempelawa pelajar lepasan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) mengikuti lapan program pengajian yang ditawarkan khusus bagi lepasan sijil itu.

Pengarah Pusat Komunikasi Korporat dan Hubungan Antarabangsa Kuin, Hamlan Din berkata, program-program yang ditawarkan adalah di peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang Syariah, Usuluddin, bahasa Arab, pengajian Tahfiz Al-Quran, kewangan Islam, dan pentadbiran perniagaan.

“Kuin telah membuka permohonan bagi pelajar-pelajar lepasan STAM yang telah mendapat keputusan peperiksaan baru-baru ini. Kami mempelawa lepasan STAM 2013 untuk memohon bagi menyambung pengajian peringkat tinggi, bukan sahaja bidang pengajian Islam, termasuk program berteraskan perniagaan dan kewangan yang dibuka untuk pengambilan 2014”, katanya.

Menurutnya, pendaftaran pelajar baru dibuka sepanjang masa, namun bagi sesi pengajian 2014/2015, pelajar semester pertama akan mendaftar pada 23 Jun ini.

“Permohonan perlulah dilakukan lebih awal bagi memudahkan urusan berkaitan dokumentasi, kelulusan, penawaran dan sebagainya. Pelajar yang berminat boleh membuat permohonan secara manual dengan mendapatkan borang atau permohonan atas talian yang disediakan di laman sesawang rasmi Kuin,” katanya.